

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 MEI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Ekonomi diunjur lebih baik pada suku akan datang

Ekonomi diunjur lebih baik pada suku akan datang

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka meningkat melebihi lima peratus tahun ke tahun pada suku kedua 2024 dan mungkin meningkat suku seterusnya.

RHB Investment Bank Bhd dalam satu nota penyelidikan berkata, ekonomi Malaysia akan disokong corak perbelanjaan domestik berdaya tahan dan peningkatan dalam aktiviti pelancongan berdasarkan tiga pemangkin.

Pemangkin itu ialah, pertama, pasaran buruh negara kekal kukuh dengan pengangguran kembali ke paras prapandemik berikutkan kadar penciptaan kerja yang sihat

"Pemangkin kedua, momen-
tum eksport Malaysia dijangka
meningkat separuh pertama 2024
berdasarkan andaian pertumbuhan
global lemah dan ketiga,

tekanan inflasi agak sederhana ketika ini," katanya.

Ia menyatakan Indeks Harga Pengguna (IHP) pada Disember mencatatkan 1.5 peratus tahun ke tahun, tetapi harga pengguna dijangka lebih tinggi kepada 3.3 peratus pada 2024 daripada 2.5 peratus 2023.

Sementara itu, MIDF Research

Sementara itu, MIDF Research menganalisa unjuran pertumbuhan *Keluaran Dalam Negara Kasar* (KDNK) 2024 pada 4.7 peratus, memandangkan momentum pertumbuhan positif dijangka berterusan pada suku akan datang.

Firma penyelidikan itu berkata, aktiviti perbelanjaan domestik terus berkembang berikutan keadaan pasaran buruh positif, pertumbuhan pendapatan dan peningkatan ketibaan pelancong. Selain itu, permintaan dari

luar negara akan pulih apabila Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan dalam penge- luaran global dan perdagangan

maril global dan perdagangan antarabangsa, terutam permintaan semakin meningkat daripada rakan perdagangan utama seperti China dan Amerika Syarikat (AS).

Peningkatan dagangan E&E

"Kami juga menjangka peningkatan dalam perdagangan elektrik dan elektronik (E&E) menyumbang kepada pemuliharan eksport 2024," katanya dalam nota penyelidikan berasingan.

Bagaimanapun, MIDF Research tetap berhati-hati bahawa beberapa risiko boleh mengkekang prospek pertumbuhan tahun ini.

seperti peningkatan dalam ketegangan geopolitik dan perdagangan; pertumbuhan lebih lemah

di China dan AS serta kelembaban ketara dalam permintaan akhir daripada pasaran utama berdasarkan kos pinjaman tinggi.

"Perubahan dasar mungkin mengakibatkan inflasi lebih tinggi yang boleh menjelaskan sentimen pengguna dan rancangan perbelanjaan mereka pada peringkat domestik," katanya.

Dari segi permintaan, MIDF

Research berkata, pertumbuhan penggunaan swasta kekal berdaya tahan dan meningkat lebih pantas 4.7 peratus tahun ke tahun.

Kadar pengangguran rendah 3.3 peratus dan inflasi berputara 1.7 peratus tahun ke tahun pada suku terbitab menyokong peningkatan berterusan dalam penggunaan swasta.

Sementara itu, perbelanjaan pelaburan terus berkembang dengan pelaburan sektor swasta dan

awam berkembang masing-masing 9.2 peratus tahun ke tahun dan 11.5 peratus tahun ke tahun.

Pelaburan sektor awam yang lebih kukuh sejajar dengan kemajuan dalam sektor pembinaan terutama pembangunan infrastruktur berterusan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

"Trend menggalakkan impungkin berterusan dalam tempoh akan datang memandangkan dasar fiskal mengembang, menunjukkan komitmen berterusan bagi mengekalkan peruntukan besar RM90 bilion setahun untuk perbelanjaan pembangunan sehingga 2025.

Pengerang lebih banyak pokok

"Dengan lebih banyak pekerjaan ditambah dan lebih ramai orang memasuki pasaran pekerjaan, kami menjangka ia terus menyokong perbelanjaan pengguna," katanya.